AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 5 PRINTED SIZE: 211.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,141.00 ITEM ID: MY0071491049



10 OCT, 2026

UMSKAL perkasa keterhubungan digital melalui projek MCMC IPTA3

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

UMSKAL perkasa keterhubungan digital melalui projek MCMC IPTA3

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) terus memperkukuh infrastruktur digital kampus menerusi pelaksanaan Projek Penambahbaikan Liputan Capaian Wi-Fi dalam Bangunan di IPTA.

Projek MCMC IPTA3 itu dibiayai sepenuhnya oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui inisiatif Universal Service Provision (USP).

Projek dilaksanakan oleh OCK Setia Engineering Sdn. Bhd. sebagai Penyedia Perkhidmatan Universal (Universal Service Provider – DUSP).

Ia bertujuan meningkatkan liputan dan kualiti capaian internet tanpa wayar di seluruh kawasan kampus melalui penggunaan teknologi Wi-Fi 6 dan Wi-Fi 7.

Antara komponen infrastruktur rangkaian yang dilaporkan bagi projek ini ialah 15,980 Unit (Access Point – AP), 97 unit (Network Switch), 18 unit (Distribution Switch) dan 2 unit (Wireless Controller).



PERKASA: Dr. Shamsul (tengah) menyaksikan Effendy (empat kiri) menerima Access Point daripada Mohd Iqbal pada majlis itu.

Penaiktarafan ini merangkumi lokasi strategik kampus termasuk Bangunan Menara, Dewan Kuliah Utama, kafeteria serta kolej kediaman Alpha dan Beta.

Pelaksanaannya merupakan langkah penting ke arah memperluas capaian Wi-Fi dan memperkukuh pengalaman digital warga kampus.

Pengarah UMSKAL, Prof. Dr. Shamsul Bahari Shamsudin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak kontraktor, OCK Setia Engineering Sdn. Bhd., atas kejayaan melaksanakan projek ini lebih awal daripada jadual yang dirancang.

Beliau berharap kemudahan yang disediakan dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan capaian internet pelajar ketika berada di dalam kawasan kampus, sekali gus menyokong kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Pemantauan berterusan oleh Jabatan Digital UMSKAL juga perlu dilaksanakan bagi memastikan kualiti perkhidmatan angkaian sentiasa berada pada tahap optimum.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Digital UMS, Effendy Hadis turut merakamkan penghargaan atas komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh pihak kontraktor sepanjang pelaksanaan projek.

Projek ini berjaya disiapkan pada 24 Ogos 2026, iaitu kira-kira 30 hari lebih awal daripada tarikh akhir yang dirancang. Berdasarkan maklumat pelaksanaan, sebanyak 15,980 titik capaian Wi-Fi telah beroperasi sepenuhnya setakat 30 September 2026.

"Kejayaan projek ini mencerminkan komitmen UMSKAL dalam memperkukuh ekosistem digital kampus bagi menyokong keperluan pembelajaran, pengajaran dan aktiviti akademik yang semakin bergantung pada teknologi digital.

"Semoga kemudahan rangkaian Wi-Fi yang dipertingkatkan ini memberikan manfaat berterusan kepada seluruh warga UMSKAL serta menyumbang kepada persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif, cekap dan berdaya saing," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 5 PRINTED SIZE: 211.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,141.00 ITEM ID: MY0071491049



10 OCT, 2026

UMSKAL perkasa keterhubungan digital melalui projek MCMC IPTA3

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) terus memperkukuh infrastruktur digital kampus menerusi pelaksanaan Projek Penambahbaikan Liputan Capaian Wi-Fi dalam Bangunan di IPTA. Projek MCMC IPTA3 itu dibiayai sepenuhnya oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui inisiatif Universal Service Provision (USP). Projek dilaksanakan oleh OCK Setia Engineering Sdn. Bhd. sebagai Penyedia Perkhidmatan Universal (Universal Service Provider – DUSP).

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.